



UPM- Exxonmobil Ganding Bahu Program Penanaman Pokok



Timbalan Menteri Sumber Alam Semulajadi dan Persekitaran Malaysia, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup menanam pokok Hopea Sulcata (Merawan Meranti) yang hanya terdapat di Malaysia.

PUCHONG, 12 Oktober – Seramai 120 sukarelawan dari syarikat Exxonmobil berganding bahu bersama pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam program penanaman pokok sempena Minggu Penyayang Exxonmobil di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, di sini baru-baru ini.

44 sukarelawan UPM dari Kelab Bakti Siswa yang terlibat terdiri daripada pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan Veterinar, dan Fakulti Perhutanan.

Program bertujuan memulihara khazanah alam semulajadi serta mengekalkan keseimbangan flora dan fauna bagi kegunaan rekreasi dan penyelidikan dalam hutan ini.

5000 unit dari spesies pokok Riparium ditanam dan hasilnya 1000 unit membesar selepas 3 tahun penanaman hasil kerjasama syarikat Exxonmobil dan UPM.



Sebahagian dari pelajar UPM yang berbakti kepada tanah.

Majlis dihadiri Timbalan Menteri Sumber Alam Semulajadi dan Persekitaran Malaysia, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Pengerusi Subsidiari Exxonmobil Malaysia, Hugh W. Thompson, dan Timbalan Naib Canselor UPM (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Pengurus Hal Ehwal Awam Subsidiari Exxonmobil Malaysia, Farid Jaafar berkata program seperti ini perlu dimanfaatkan kepada generasi muda bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan penjagaan dan pemuliharaan hutan pada masa kini.

Katanya lagi hampir RM18 juta telah dilaburkan bagi tujuan kelengkapan makmal dan penginapan dalam hutan ini bagi memudahkan pengguna dan pengunjung memanfaatkan kemudahan yang ada di sini.



Timbalan Menteri Sumber Alam Semulajadi dan Persekitaran Malaysia, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup menandatangani plag sambil diperhati Timbalan Naib Canselor UPM (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Tai Shzee Yew(kiri) dan Pengerusi Subsidiari Exxonmobil Malaysia, Hugh W.Thompson (kanan).

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM